

# Malaysia-Afrika Selatan miliki potensi perluas kerjasama ekonomi

Asas industri kukuh disokong kemudahan moden tingkat pelbagai peluang

**Johannesburg:** Perniagaan di Malaysia dan Afrika Selatan mempunyai peluang untuk sama-sama membentuk fasa seterusnya dalam kerjasama ekonomi dua hala.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata asas perindustrian Afrika Selatan yang pelbagai, disokong sistem logistik yang kukuh, sistem kewangan maju dan tenaga kerja mahir, menyediakan asas amat baik untuk kerjasama lebih luas.

"Kami melihat potensi yang kukuh dalam sektor bernilai tinggi, termasuk ekosistem automotif dan kenderaan elektrik (EV), integrasi rantaian nilai perlombongan dan mineral, pembangunan industri halal, petrokimia, pemprosesan pertanian, tenaga boleh baharu, teknologi digital dan logistik," katanya.

Anwar berkata demikian pada Forum Perniagaan bersama Peneraju Industri Afrika Selatan di sini kelmarin yang menyaksikan penyertaan daripada 200 syarikat.

Turut hadir Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Timbalan Menteri Perdagangan, Industri dan Persaingan Afrika Selatan, Alexandra Lilian Amelia Abrahams.



Anwar bersama Tengku Zafrul (kiri), Dr Zaliha (kanan) dan Alexandra Abrahams (dua dari kanan) pada Forum Perniagaan bersama Peneraju Industri Afrika Selatan di Johannesburg, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Forum juga dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Seri Mohd Mustafa Abdul Aziz dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan, Datuk Yubazlan Yusof.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, syarikat Malaysia seperti PROTON, Sime Darby, UEM Sunrise, Country He-

ights dan MR DIY sudah mewujudkan operasi mereka di Afrika Selatan, menunjukkan keyakinan terhadap pasaran dan trajektori pertumbuhan negara itu.

"Kami mengalu-alukan syarikat Afrika Selatan untuk meneroka peluang yang luas di Malaysia dan juga di ASEAN.

"Dalam perkara ini, Malaysia boleh menjadi pintu masuk strategik yang menghubungkan keupayaan perindustrian Afrika Selatan dengan permintaan, teknologi dan rantaian nilai dengan

pertumbuhan tinggi di Asia," kata Perdana Menteri.

#### Teras perindustrian mampan

Anwar turut menekankan transformasi ekonomi Malaysia meletakkan kemampanan sebagai teras pembangunan perindustrian.

"Kami memacu inisiatif tenaga boleh baharu, teknologi hijau, pembangunan hidrogen, ekosistem EV dan ekonomi kitaran," kata beliau.

Ini sejajar dengan keutamaan

Afrika Selatan sendiri mengenai peralihan tenaga dan tenaga boleh baharu.

"Terdapat ruang yang luas untuk kerjasama dalam pertukaran teknologi dan pelaburan bersama dalam hidrogen, mobiliti hijau, pertanian pintar iklim dan penyelesaian perlombongan mampan," kata beliau.

Anwar kini dalam lawatan kerja selama empat hari untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di sini, semalam.

BERNAMA